



**PERUTUSAN
YBHG. DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**MESYUARAT MAJLIS PENUH BIL.4/2022
PADA 19 APRIL 2023 (RABU) JAM 9.00 PAGI**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum WBT...

Salam Sejahtera dan Salam Bersih. Muafakat dan Sejahtera.

1. Yang dihormati barisan Ahli Majlis, Setiausaha, barisan Ketua Jabatan dan Ketua Unit, pegawai - pegawai, rakan media serta para hadirin yang saya hormati sekalian.
2. Saya juga mengalu-alukan kehadiran YB:
 - I. YB Tuan Loke Siew Fook, Ahli Parlimen Seremban;
 - II. YB Tuan Cha Kee Chin, Ahli Parlimen Rasah;
 - III. YB Tuan Haji Suhaimi bin Kassim, ADUN Lenggeng;
 - IV. YB Tuan Gunasekaran a/l Palasamy, ADUN Seremban Jaya;
 - V. YB Tuan Yap Yew Weng, ADUN Mambau;
 - VI. YB Tuan Ng Chin Tsai, ADUN Temiang;
 - VII. YB Puan Mary Josephine Prittam Singh, ADUN Rahang
 - VIII. YB Tuan Chew She Yong, ADUN Lobak

3. Alhamdulillah, puji dan syukur kepada Ilahi di atas pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan sahabat Baginda serta mereka yang mengikut jejak langkah Baginda hingga ke hari kesudahan.
4. Terima kasih kepada semua Ahli Majlis, Setiausaha, Ketua Jabatan, Ketua Unit, pegawai-pegawai dan warga kerja Majlis Bandaraya Seremban yang sentiasa memberikan kerjasama dan komitmen yang tinggi kepada Majlis dalam memastikan segala perancangan dapat direalisasikan dengan semangat kerja berpasukan.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

5. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran sama-sama kita panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin dan rahmat-Nya kita bakal menyambut Hari Raya Aidilfitri bulan yang melambangkan kemenangan dan kegembiraan. Dikesempatan yang penuh keberkatan ini juga, saya ingin mengambil peluang memanjatkan doa kehadrat ilahi kerana dengan izin-Nya kita dapat menyambut Aidilfitri pada tahun ini.
6. Bersempena dengan sambutan yang penuh bermakna ini, marilah kita sama-sama mencari keberkatan untuk mengeratkan lagi ikatan kekeluargaan dan silaturahim antara satu sama lain. Teruskanlah amalan tradisi kunjung-mengunjung dan bermaaf-maafan.

7. Rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai agama dan kaum pastinya akan turut berasa gembira dengan sambutan Aidilfitri ini. Inilah keunikan di Malaysia, yang mana lebaran turut diraikan bersama masyarakat lain tanpa mengira latar belakang kaum dan agama. Hal ini, menyerlahkan keharmonian perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia yang pelbagai.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

8. Selain pelbagai program dan majlis yang telah MBS jalankan pada bulan Ramadhan seperti program bubur lambuk, majlis berbuka puasa, bazar aidifitri pada masa yang sama juga operasi dan kerja-kerja pembersihan ekoran bencana yang melanda seperti ribut, pokok tumbang, banjir turut berjaya dilaksanakan. Semuanya bermula dengan kekuatan warga MBS yang bertungkus-lumus melaksanakan tanggungjawab tanpa kira penat, masa dan tenaga amatlah saya kagumi.
9. Semoga segala kudrat yang dicurahkan bagi kesejahteraan bandaraya Seremban dapat dijadikan sebagai ibadah. Di penghujung bulan Ramadhan ini, saya berdoa agar segala amal ibadah yang kita laksanakan diterima oleh Allah SWT dan kita mengambil iktibar Ramadhan kali ini untuk terus mempertingkatkan amal ibadah pada bulan-bulan yang lain serta semoga kita akan berjumpa lagi dengan bulan Ramadhan yang mulia pada tahun hadapan. In syaa allah.

YBhg. Dato', Tuan-Tuan & Puan-Puan sekalian

PELAPORAN JABATAN KEWANGAN

KAUNTER BERGERAK CUKAI TAKSIRAN DAN SEWAAN GERAJ

10. Pada 25 Mac 2023, Jabatan Kewangan MBS telah mengadakan kutipan kaunter bergerak Cukai Taksiran ditumpukan di kawasan pasaraya dan pusat beli belah seperti ;
 - I. Seremban Prima
 - II. Mydin Mall Seremban 2
 - III. AEON Mall Seremban 2

Sebanyak 98 akaun dengan jumlah kutipan sebanyak **RM23,463.20** berjaya diraih.

KUTIPAN OPERASI PINTU KE PINTU

11. Selain itu, Kutipan Operasi Pintu Ke Pintu telah diadakan di Taman Nilai Impian dari pukul 9.00 pagi sehingga ke pukul 4.00 petang. Sebanyak 53 akaun dengan jumlah kutipan sebanyak **RM25,445.60** berjaya diraih.
12. Jabatan Kewangan MBS telah bersama di dalam program Unit COB pada 5 & 18 Mac 2023 bagi Mesyuarat Agung badan Pengurusan di bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Seremban di Dewan Apartmen Putra dan Dewan Serbaguna Laman Villa dari pukul 9.00 pagi sehingga pukul 1.00 petang. Turut sama diadakan program pengurangan 70% kompaun. Sebanyak 35 akaun dengan jumlah kutipan **RM5,651.60** berjaya diraih.

YBhg. Dato', Tuan-Tuan & Puan-Puan sekalian

13. Selain itu, pada 19 & 26 Mac 2023 Jabatan Kewangan MBS juga turut bersama di dalam Program Gotong Royong di Taman Rimbun Harapan dan Program Gotong Royong di Taman Bukit Kaya. Sebanyak 24 akaun dengan jumlah kutipan sebanyak **RM3,020.00** berjaya diraih.
14. Operasi sifar tunggakan sewaan bagi sewaan gerai dan pasar telah dijalankan di ;
 - i. Pasar Besar Seremban (8 Mac 2023)
 - ii. Kompleks Penjaja Jalan Lee Sam (9 Mac 2023)
 - iii. Pasar Ampangan (10 Mac 2023)
 - iv. PPRT Lobak & Paroi (25 Mac 2023)

Jumlah kutipan daripada 1 Mac 2023 hingga 31 Mac adalah sebanyak **RM35,130.50** daripada 225 bil akaun.

PENYISIHAN BIL NOTIS E

15. Jabatan Kewangan turut telah melaksanakan aktiviti penyisihan Notis E bagi penggal 1 pada 15 hingga 17 Mac 2023 dan edaran bil telah dilaksanakan mulai **22 Mac 2023 sehingga 15 April 2023**.

SUMBER : JABATAN KEWANGAN

YBhg. Dato', Tuan-Tuan & Puan-Puan sekalian

PELAPORAN JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

16. Pada 21 Mac 2023, Jabatan Khidmat Pengurusan telah mengadakan satu **Taklimat Peranan Perkeso Siri 3 Tahun 2023**. Taklimat ini disertai oleh 40 orang kakitangan MBS bagi memberi pendedahan mengenai ;
 - a. Kefahaman asas dan tanggungjawab pekerja / majikan dan faedah PERKESO (Akta 4 & SPS)
 - b. Kefahaman mengenai program advokasi dan pencegahan serta faedah-faedah PERKESO.
 - c. Kefahaman mengenai faedah PERKESO, sistem insurans pekerjaan dan skim keselamatan sosial suri rumah PERKESO.
17. Selain itu, pada 31 Mac 2023 telah diadakan majlis penyerahan surat pemangkuhan dan kenaikan pangkat secara *time-based* berdasarkan kecemerlangan kepada 5 orang pegawai kumpulan pelaksana
18. Seterusnya, pada 4 April 2023, seramai 20 orang kakitangan MBS telah menyertai sesi **Diskusi Ramadhan Siri 2: Zakat – Ramadhan Anugerah Terindah, Puasa Dan Zakat Wajib Ditunaikan**. Sesi ini memberi pencerahan tentang zakat yang wajib ditunaikan oleh umat islam dan penghayatan amalan - amalan yang baik dalam bulan ramadhan dapat dihidupkan.
19. Pada 5 April 2023 juga telah berlangsung satu sesi bacaan ikrar dan akujanji bagi 7 orang kakitangan baharu Pembantu Tadbir (P/O) N19 Majlis Bandaraya Seremban.

SUMBER : JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

YBhg. Dato', Tuan-Tuan & Puan-Puan sekalian

PELAPORAN JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN

PROGRAM MAJLIS PELANCARAN PELAN TINDAKAN BANDAR PINTAR DAN BANDAR RENDAH KARBON SEREMBAN 2027 DAN PELAN TINDAKAN KHAS PEMBAHARUAN SEMULA PEKAN NILAI

20. Pada 20 Mac 2023, telah diadakan Majlis Pelancaran Pelan Tindakan Bandar pintar dan Bandar rendah Karbon Seremban 2027 dan Pelan Tindakan Khas Pembaharuan Semula pekan Nilai yang telah sempurnakan oleh YAB Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun, Menteri Besar Negeri Sembilan.

21. Majlis ini turut dihadiri oleh barisan Exco Kerajaan Negeri Sembilan, Timbalan Ketua Pengarah Perancangan, PLANMalaysia YBrs. TPr Md. Nazri bin Abdullah, Pengarah PLANMalaysia@Negeri Sembilan& Pengarah Pejabat Projek Zon Selatan. Majlis mengharapkan, Dua (2) Pelan Tindakan tersebut, mampu memberi perspektif yang baik terhadap Majlis Bandaraya Seremban serta dapat menyuntik sinergi pelaburan dan pengurusan yang komprehensif serta tadbir urus bandar yang efisyen dan mampan.

SUMBER : JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN

YBhg. Dato', Tuan-Tuan & Puan-Puan sekalian

PELAPORAN JABATAN PEMBERSIHAN DAN KESIHATAN PERSEKITARAN

22. Sehingga 1 April 2023, MBS telah menjalankan aktiviti ;
 - Kawalan *fogging* di **18,512** buah premis
 - *ULV* di **19,776** buah premis
 - *Larvaciding & source reduction* di **31** lokaliti
 - Gotong royong di **42** buah taman
 - **116** aktiviti sanitasi & disinfeksi sebanyak
23. Selain itu, laporan bagi tanah perkuburan di bawah seliaan MBS sehingga 12 April 2023 mencatatkan;
 - a. **Tanah Perkuburan Kristian Sendayan**
24 kematian Covid-19 dan 178 kematian biasa,
 - b. **Tanah Perkuburan Islam Ainsdale**
537 kematian covid-19 dan 341 kematian biasa,
 - c. **Tanah Perkuburan Islam Senawang Fasa 2**
572 kematian biasa,
 - d. **Tanah Perkuburan Islam Nilai** yang dibuka pada 15 April 2022, sehingga kini masih tiada jenazah yang dikebumikan di tanah perkuburan ini sehingga 12 April 2023.

YBhg. Dato', Tuan-Tuan & Puan-Puan sekalian,

24. Selain itu, sesi penyerahan surat tawaran, sesi taklimat dan penetapan lot pusat penjaja bagi peniaga Taman Satria dan Taman Desa Melor telah diadakan pada 31 Mac 2023 di Ruang Dato' Dagang Paroi, Wisma MBS yang dipengerusikan oleh Encik Mohd Tariq bin Mohd Kamal, Ahli Majlis MBS. Sebanyak 11 peniaga dari Taman Satria dan 18 peniaga dari Taman Desa Melor telah hadir pada sesi penyerahan surat tawaran tersebut.
25. Pada masa yang sama, MBS juga telah menjemput wakil daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) bagi menyampaikan taklimat bagi Persijilan Halal dan juga taklimat daripada wakil Jabatan Kejuruteraan MBS dan Jabatan Undang-Undang & Penguatkuasaan MBS.
26. Selain itu, pada 3 April 2023, kerja-kerja pembersihan pasca banjir kilat telah diadakan di kawasan perumahan penduduk Taman Sri Pulasan yang terkesan akibat banjir lumpur. Pihak jabatan telah membantu pihak SWME membersihkan longkang yang tertimbun dengan tanah lumpur dan membersihkan sisa runtuhan akibat hujan lebat dengan menggunakan jentera *backhoe*.

YBhg. Dato', Tuan-Tuan & Puan-Puan sekalian,

27. Satu operasi bersepadu khas kawasan Wabak Terkawal, Wabak Tidak Terkawal dan *Hotspot* telah diadakan pada 3 April 2023 di Taman Sendayan Indah, Sendayan bertujuan mencegah dan memusnahkan tempat pembiakan nyamuk aedes di dalam kawasan Majlis Bandaraya Seremban. Operasi ini turut disertai oleh Unit Vektor Pejabat Kesihatan Daerah Seremban, Penguatkuasa SWCorp, SWM Environment Sdn. Bhd., Pejabat Tanah dan Galian Seremban, Polis DiRaja Malaysia,
28. Hasil daripada operasi tersebut pihak Pejabat Kesihatan telah mengeluarkan sebanyak 2 notis di bawah Seksyen 8 – Akta Kawalan Penyakit Berjangkit manakala pihak Majlis telah mengeluarkan sebanyak 7 notis atas kesalahan menghalang laluan di lorong belakang kediaman dan kenderaan terbiar.

SUMBER : JABATAN PEMBERSIHAN DAN KESIHATAN PERSEKITARAN

YBhg. Dato', Tuan-Tuan & Puan-Puan sekalian

PELAPORAN UNIT INTEGRITI

29. Isu keselamatan kakitangan dan bangunan pejabat Majlis adalah sangat penting. Oleh sebab itu, demi mengelakkan kejadian-kejadian yang tidak diingini berlaku kepada kakitangan ataupun bangunan pejabat Majlis, beberapa tindakan penambahbaikan telah dicadangkan oleh Dato' Pengurus Lembaga Tatatertib (LTT) susulan daripada Mesyuarat LTT yang lepas. Antaranya ialah ;
30. Mengadakan kursus berkaitan Arahan Keselamatan secara berkala kepada semua kakitangan bagi memastikan kakitangan memahami konsep keselamatan:
 - i. Keselamatan Perlindungan Fizikal ke atas bangunan dan pepasangan daripada sebarang ancaman;
 - ii. Keselamatan Perlindungan Dokumen dan maklumat daripada sebarang ancaman ke atas bangunan;
 - iii. Keselamatan Perlindungan Peribadi bagi memastikan kesetiaan / kejujuran personel.
31. Mengadakan Mesyuarat Jawatan Kuasa secara berkala bagi membincangkan mengenai isu-isu keselamatan di Majlis dan keperluan melakukan langkah-langkah menurut peruntukan-peruntukan Arahan Keselamatan supaya perkara terperingkat yang ada di Majlis sentiasa dikawal dengan sempurna.
32. Menjadualkan pelaksanaan audit oleh pegawai yang telah dilantik ke semua jabatan bagi memastikan Arahan Keselamatan dipatuhi dan dilaksanakan.

SUMBER : UNIT INTEGRITI

YBhg. Dato', Tuan-Tuan & Puan-Puan sekalian

PELAPORAN UNIT AUDIT DALAM

33. Saya ingin menarik perhatian semua ahli mesyuarat berkaitan prestasi pengauditan dalam yang dijalankan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PS 3.2). Sehingga 31 Mac 2023, sebanyak 3 laporan akhir program audit telah dibentangkan dalam Jawatankuasa Audit Peringkat Majlis Bandaraya Seremban Bil. 1/2023 iaitu:-
- I. Pengauditan Daftar Rekod Perolehan Secara Lantikan Terus
 - II. Pengauditan Perkhidmatan Penyewaan Ruang, Aset dan Kemudahan Milik Majlis Bandaraya Seremban
34. Selain itu, dimaklumkan bahawa, berikut merupakan program audit yang dijalankan oleh Unit Audit Dalam, MBS sedang menjalankan tajuk audit yang berikut:-
- I. Perlaksanaan Audit Bahasa Melayu 2023 Oleh Dewan Bahasa dan Pustaka
 - II. Cycledios Management Sdn. Bhd. – Perkhidmatan Sewaan Basikal Di Laman Basikal dan Dataran Nilai
 - III. Pengauditan Pemutihan Aset Dalam Penyata Kewangan MBS 2020 – 2022 PENG AUDITAN
35. Pihak pengurusan tertinggi Majlis sentiasa memantau tindakan pembetulan serta penambahbaikan yang berkesan telah diambil oleh jabatan dan unit seperti syor audit dalam agar mencapai kualiti perkhidmatan yang optimum.

SUMBER : UNIT AUDIT DALAM

PENUTUP

YBhg. Dato' Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

36. Saya berharap warga kerja MBS sentiasa menumpukan usaha dalam menambahbaik dan memajukan Bandaraya Seremban untuk membawa manfaat kepada warga Bandaraya. Gerak kerja yang dilaksanakan oleh setiap warga MBS sememangnya menyumbang kepada kejayaan MBS dari pelbagai aspek lebih-lebih lagi kepada kesejahteraan warga Bandaraya Seremban.
37. Ketibaan Aidilfitri sememangnya dinanti-nantikan, tanpa mengira kaum, agama, latar belakang ekonomi dan status sosial. Kemeriahian Aidilfitri dan juga perayaan-perayaan lain seperti Tahun Baru Cina, Deepavali dan Krismas yang diraikan bersama-sama dapat menyuburkan semangat perpaduan di mana persamaan ditonjolkan dan kepelbagaian yang ada diraikan. Konsep rumah terbuka yang diadakan sempena sambutan setiap perayaan telah mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan masyarakat kita yang berbilang kaum. Keistimewaan ini harus dibanggakan dan tradisi amalan rumah terbuka dapat menyatukan dan menguatkan ikatan kemasyarakatan.
38. Sehubungan dengan itu, saya ingin menjemput ahli-ahli mesyuarat, YBhg. Dato' Tuan-tuan & Puan-puan semua untuk sama-sama hadir bagi memeriahkan Majlis Jamuan Hari Aidilfitri Majlis Bandaraya Seremban yang akan diadakan pada 2 Mei 2023 (Selasa) bermula jam 11:00 pagi hingga 2:00 petang di Wisma MBS.

39. Dalam kemeriahannya kita menyambut Aidilfitri, saya ingin menasihati kepada semua warga Bandar Raya Seremban sentiasa agar mengamalkan gaya hidup yang sihat, tidak melakukan pembaziran makanan dan sudah pasti, ramai yang akan mengambil peluang untuk pulang ke kampung halaman. Namun aspek-aspek keselamatan hendaklah turut diutamakan. Kediaman hendaklah dikunci, suis suis elektrik yang tidak digunakan hendaklah dimatikan, kenderaan yang digunakan haruslah dalam keadaan yang baik dan diselenggara serta berhati-hatilah di jalan raya.

*Yang pulang ke timur moga terus makmur,
yang pulang ke barat moga dapat berkat,
yang pulang ke selatan moga dapat keafiatan,
yang pulang ke utara moga terus sejahtera*

40. Akhir kata, sekali lagi saya mengambil kesempatan ini mengucapkan selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir Batin kepada semua warga kerja MBS dan warga Bandar Raya Seremban. Semoga lebaran kali ini, dapat menguatkan ikatan kasih sayang sesama keluarga dan masyarakat serta meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT.

Sekian, terima kasih.

**DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
19 APRIL 2023**